

PARLIMEN MALAYSIA  
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN** : Lisan

**DARIPADA** : Tuan Wong Ling Bui  
[ Sarikei ]

**TARIKH** : 2 April 2018

**SOALAN** : Tuan Wong Ling Bui [ Sarikei ] minta  
**MENTERI PERTANIAN DAN  
INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan  
langkah-langkah yang akan diambil  
oleh Kementerian untuk membantu  
pekebun kecil yang masih memelihara  
pokok durian tradisional sedangkan  
Kementerian mempromosikan  
penanaman durian spesies baru  
terutamanya durian Musang King.

## JAWAPAN

**Tuan Yang Dipertua,**

Untuk makluman, pada masa ini durian kampung turut mendapat harga yang baik di pasaran. Durian kampung berpotensi untuk dijadikan *paste* untuk pemprosesan produk berasaskan durian. Namun begitu, permintaan yang tinggi terhadap durian premium telah mendorong pekebun kecil untuk mentransformasikan dusun tradisional kepada dusun komersial dengan menggantikan pokok durian kampung kepada durian premium melalui kaedah cantuman dewasa dan sulaman anak pokok.

Antara usaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) melalui FAMA bagi membantu pekebun kecil yang masih memelihara pokok durian tradisional adalah dengan melaksanakan aktiviti belian durian sama ada durian klon mahupun durian kampung sebanyak 72 tan metrik dengan nilai RM2.23 juta pada tahun 2017.

Durian kampung yang diproses untuk dijadikan durian pes akan dijual kepada pengusaha-pengusaha industri asas tani yang menghasilkan nilai tambah produk seperti aiskrim, durian crepe, kek dan pastri manakala tempoyak akan dipasarkan ke restoran-restoran yang menyajikan hidangan masakan ikan air tawar seperti ikan patin tempoyak. FAMA juga telah menetapkan harga lantai bagi durian kampung untuk memastikan pekebun kecil mendapat jaminan harga apabila berlaku lambakan/lebih pengeluaran serta memberi pulangan yang berpatutan kepada pekebun kecil.